

## **TASAWUR PEMBANGUNAN INSAN BERTERASKAN ISLAM**

**Norullisza Khosim**

Calon Ijazah Doktor Falsafah,  
Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV),  
Universiti Sains Malaysia

**Mohd Shukri Hanapi**

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV),  
Universiti Sains Malaysia

**Azrin Ibrahim**

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV),  
Universiti Sains Malaysia

*Corresponding Author's Email: norulliszakhosim@usim.edu.my*

### **Article history:**

*Received* : 22 November 2022

*Accepted* : 23 November 2022

*Published* : 27 December 2022

### **ABSTRAK**

Dalam era globalisasi dan perkembangan teknologi kini, masyarakat dilihat berhadapan dengan pelbagai mehnah dan cabaran. Seiring perkembangan ini, peningkatan dalam pelbagai permasalahan berlaku lebih-lebih lagi yang terkait dengan keruntuhan akhlak. Perkara ini amat membimbangkan dan dilihat mampu memberi kesan negatif kepada kesejahteraan kehidupan insan. Oleh itu, kefahaman terhadap tasawur pembangunan insan berteraskan Islam (PIBI) khususnya perlu diberi penekanan agar kesejahteraan hidup dapat dimiliki. Justeru, kajian ini bertujuan mengenal pasti tasawur PIBI dengan penelitian terhadap kajian-kajian lepas. Kajian dengan ini menetapkan dua objektif utama iaitu; pertama, mengenal pasti dan menganalisis kajian-kajian lepas berkaitan pembangunan insan berteraskan Islam; dan kedua, membina tasawur PIBI berdasarkan dapatan yang diperolehi menerusi kajian-kajian yang dirujuk. Bagi mencapai objektif tersebut, kaedah kajian dokumen digunakan bagi pengumpulan data dengan mengaplikasikan kaedah analisis kandungan bagi tujuan penganalisan data. Hasil kajian mendapati bahawa tasawur PIBI itu adalah bercirikan empat perkara utama iaitu; (i) al-Qur'an dan al-Sunnah sebagai sumber utama; (ii) aspek PIBI merangkumi rohani, intelektual, emosi, jasmani, dan sosial (RIEJS); (iii) proses PIBI seawal usia kehidupan insan dan pemeraksanaan melalui medium pelbagai; juga (iv) berpandukan tujuh prinsip utama PBI.

**Kata Kunci:** Tasawur, Pembangunan Insan Berteraskan Islam (PIBI), Al-Qur'an & Al-Sunnah, Kesejahteraan

## **THE WORLDVIEW OF ISLAMIC-BASED HUMAN DEVELOPMENT**

### **ABSTRACT**

*In the current era of globalization and technological development, society is seen to be facing various challenges. Along with this development, increasing in various problems occurred especially those related to moral decay. This matter is worrying and is seen to have a negative impact on the well-being of human life. Therefore, understanding the concept of Islamic-based human development (PIBI) needs to be emphasized so that can lead to the harmonious life. Thus, this study aims to identify the worldview of PIBI within a study of past studies. The study hereby sets two main objectives namely, first, to identify and analyze past studies related to Islamic-based human development; and second, construct the worldview of PIBI based on the findings obtained through the referenced studies. To achieve these objectives, document review methods are used for data collection by applying content analysis methods for data analysis. The results found that the worldview of PIBI is characterized by four main things namely, (i) al-Qur'an and al-Sunnah as the main sources; (ii) aspects of PIBI include spiritual, intellectual, emotional, physical, and social (RIEJS); (iii) the PIBI process as early as human life and empowerment through various mediums; also (iv) guided by the seven main principles of Islamic-based development (PBI).*

**Keywords:** *Worldview, Islamic-Based Human Development (IbHD), Quran & Sunnah, Wellness*

### **PENDAHULUAN**

Pembangunan sesebuah masyarakat, negara, dan tamadun keseluruhannya bergantung kepada kejayaan pembangunan insan (PI). PI merupakan salah satu asas utama bagi mengecapi kesejahteraan kehidupan. Proses PI menuntut usaha yang berterusan pada setiap peringkat agar tidak berlaku sebarang kepincangan dan kegagalan bermula seawal usia kehidupan seseorang insan (Saharia Ismail, 2015).

Dalam hal ini, insan berperanan penting bagi memastikan proses pembangunan yang dilaksanakan berjalan lancar dengan cara memiliki ilmu pengetahuan yang baik. Tanpa asas ilmu pengetahuan ini, proses pembangunan yang dijalankan akan berhadapan dengan pelbagai konflik hingga akhirnya akan memberi kesan negatif. Tidak dinafikan, kerjasama daripada pelbagai pihak sebagai contoh, institusi kekeluargaan, sistem pendidikan, media-media sosial, dan selainnya juga turut memainkan peranan penting dalam mencapai objektif yang diidamkan.

Hakikatnya, PI yang ingin dilaksanakan perlu berlandaskan kepada pembangunan berteraskan Islam (PBI) yang merupakan asas dalam pembentukan insan berkualiti, malah penggunaan model ini menghasilkan natijah yang lebih

luas berbanding mengguna pakai model pembangunan lazim (PL) (Nor Sahida Mohamad & Sanep Ahmad, 2013; Ilhaamie Abdul Ghani Azmi, 2009). Justeru, kefahaman terhadap tasawur PIBI perlu diberi perhatian penuh agar kesejahteraan yang ingin dimiliki bukan sahaja dalam ruang lingkup kehidupan duniawi, malah merangkumi kehidupan ukhrawi.

## **DEFINISI TASAWUR PEMBANGUNAN INSAN**

Ungkapan tasawur pembangunan insan terdiri daripada tiga istilah utama iaitu ‘tasawur’, ‘pembangunan’ dan ‘insan’. Pertama, tasawur hakikatnya merupakan istilah bahasa Arab ‘*tasawwur*’ yang berasal daripada kata dasar ‘*sawwara*’, yang kemudiannya diserap sebagai istilah bahasa Malaysia. Menurut Mohd Shukri Hanapi (2014), takrifan ‘*tasawwur*’ dapat dirumuskan sebagai tanggapan, gambaran, sikap mental atau cara pandang terhadap segala sesuatu.

Kedua, pembangunan merupakan suatu proses untuk melakukan perubahan (Riyadi & Deddy Supriyadi, 2005). Selain itu, pembangunan membawa maksud suatu proses peningkatan dari suatu keadaan kepada keadaan yang lebih baik merangkumi segala aspek (Che Bakar Che Mat, 2007). Pembangunan yang dilakukan itu juga merupakan satu kegiatan yang berorientasikan matlamat dan nilai, yang ditumpukan ke arah mempertingkatkan tahap kesejahteraan hidup manusia dalam semua dimensi (Syed Othman al-Habsyi, 1992).

Seterusnya ketiga, insan merupakan kalimah bahasa Arab yang berasal daripada beberapa kata akar iaitu ‘*nasiya*, *uns* dan *anasa*’. Kalimah ‘*nasiya*’ bermakna lupa. Kalimah ‘*uns*’ pula bermaksud ketenangan, manja dan belas kasihan, sementara *anasa* bermaksud zahir atau nampak. Pengertian ini bertepatan dengan ciri-ciri yang terdapat dalam diri manusia yang memiliki hati, lalu melahirkan rasa ketenangan dan belas kasihan, dan jisim manusia pula terzahir serta dapat dilihat dengan mata (Ibn Manzur, 2008).

Justeru, istilah tasawur PI yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah suatu gambaran atau sudut pandang tentang proses membangunkan insan dengan mempertingkatkan kualiti diri bukan hanya memfokus kepada satu dimensi tetapi bersifat multi-dimensi dalam diri setiap insan (Nor Sahida Mohamad & Sanep Ahmad, 2013). Secara lebih spesifik, pembangunan yang dilakukan merangkumi aspek fizikal atau jasmani, emosi atau jiwa, rohani atau keimanan, dan intelektual atau pemikiran (Fariza Md Sham & Idris Zakaria, 2006; Kamarul Ami Jasmi, 2016) dengan memfokus kepada pembangunan yang ditekankan mengikut acuan daripada tasawur Islam (Mohd Shukri Hanapi, 2017).

Hakikatnya, setiap insan Muslim perlu berpegang kepada tasawur PIBI. Hal ini kerana, Islam menggalakkan pembangunan secara menyeluruh dalam setiap aspek kehidupan (Nor Sahida Mohamad & Sanep Ahmad, 2013), yang tidak tertumpu kepada aspek material semata-mata.

## KAJIAN LITERATUR

Terdapat pelbagai kajian dan perbincangan telah dilakukan oleh para pengkaji terdahulu berkisarkan PIBI. Perbincangan dalam kajian-kajian lepas ini meliputi konsep pembangunan menurut perspektif Islam, kepentingan PI, pemeraksanaan PI menerusi pendidikan, pengajaran dan pembelajaran (PdP), PI menurut karya dan pemikiran ulama terdahulu, dan penerapan nilai-nilai Islam dalam PI.

Konsep PI menurut Islam menuntut pembangunan yang bersifat multi-dimensi dan menitikberatkan faktor keimanan dan ketakwaan (Nor Sahida Mohamad & Sanep Ahmad, 2013) kerana faktor tersebut merupakan penanda aras bagi insan yang paling mulia di sisi Allah SWT. Aspek kerohanian ini sebenarnya menjadi titik tolak kepada PI (Noor Shakirah Mat Akhir & Muhammad Azizan Sabjan, 2014) yang perlu dijadikan teras kepada aspek material (Kamarul Azmi Jasmi, 2016). Turut ditekankan bahawa model PI menurut Islam juga menghasilkan natijah lebih luas berbanding dengan model PL (Nor Sahida Mohamad & Sanep Ahmad, 2013), dan merupakan salah satu sumber dalam memastikan kelestarian sesebuah umat (Noor Shakirah Mat Akhir & Muhammad Azizan Sabjan, 2014; dan Kamarul Azmi Jasmi, 2016). Tambahan pula, PI menurut Islam melihat insan sebagai watak terpenting dalam sesebuah pembangunan, yang perlu bergerak seiring dengan pembangunan lain serta tidak boleh diasingkan dalam rangka kerja yang dilaksanakan kerana ianya meliputi rohani dan jasmani serta dunia dan akhirat (Mohd Fauzi Hamat dan Mohd Khairul Naim Che Nordin, 2012).

Hakikatnya, PI amat penting kerana memberi impak besar kepada individu, masyarakat, organisasi, negara dan ummah keseluruhannya. Baharom Mohamad & Mohamad Johdi Salleh (2009) menjelaskan peri penting PI dalam konteks pembinaan negara daripada sudut kesihatan, pendidikan, IPTA, ICT, ekonomi, sosial, perspektif Islam dan moral atau akhlak. Mohd Roslan Mohd Nor & Zaiton Mustafa (2018) juga turut menyokong dapatan ini dengan menyatakan bahawa PI secara holistik dapat menyumbang ke arah kesejahteraan masyarakat dan merupakan keperluan insan untuk mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

Bukan itu sahaja, dalam konteks kepentingan organisasi, konsep ini dapat memberi cadangan penyelesaian bersepadu dan menyeluruh berbanding PL, memberi kesan dan keuntungan yang lebih baik kerana produktiviti maksimum, dan perkhidmatan berkualiti yang diberikan oleh kakitangan atau pekerja (Ilhaamie Abdul Ghani Azmi, 2009). PI ini juga perlu merangkumi aspek-aspek jasmani, emosi, rohani dan akal yang akan menghasilkan insan yang bertakwa yang dicirikan dengan *amar makruf nahi mungkar*, mempunyai misi yang jelas, *tawazun*, *sakinat*, kemuliaan akhlak dan sikap tolong menolong (Ab Aziz Yusof & Mutiara Dwi Sari, 2017).

Melihat kepada kepentingan PI ini, pemeraksanaan PI perlu dilakukan menerusi pendidikan, pengajaran dan pembelajaran (PdP) dan pelbagai medium lain bermula daripada peringkat kanak-kanak (Asmawati Suhid, 2007; Mustapha Kamal Ahmad Kassin et al, 2010; Ermizam Edni et al, 2010; Mohd Faez Ilias & Kamarul Azmi Jasmi, 2011; Siti Fatimah Ahmad & Maimun Aqsha Lubis, 2015;

dan Mazlini Adnan et al (2016). Kajian-kajian ini menekankan pengajaran adab, akhlak dan tamadun Islam, juga memfokus kepada pendidikan yang berteraskan Pendidikan Islam bagi membantu membangun insan yang cemerlang bukan hanya dalam bidang akademik, tetapi juga memiliki budi pekerti tinggi, beradab, berakhlak mulia dan mengamalkan nilai-nilai murni yang semakin pupus dan dilupai dalam kehidupan bermasyarakat. Mazlini Adnan et al (2016) menegaskan keperluan memperkasa PI dari sudut pendidikan pada peringkat kanak-kanak dengan memperkenalkan STEM dalam kurikulum pelajar. Selain itu, golongan pensyarah bertanggungjawab dalam membangunkan insan yang berkualiti dengan memperkukuh dan menambahbaik kualiti PdP (Ermizam Edni et al, 2010).

Selanjutnya, Mohd Yusof Hj Othman (2012) menekankan bahawa bahasa Melayu turut sama memainkan peranan yang dinamik dalam PI. Hal ini kerana bahasa Melayu berdiri atas nilai teras yang kukuh iaitu Islam, bahkan bahasa ini bukan sekadar bahasa pertuturan untuk menyampaikan maklumat semata-mata, namun dalam masa yang sama mampu membantu membentuk jati diri bangsa dan negara. Disebabkan itu, pendidikan, pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dan yang berteraskan Pendidikan Islam perlu diberi penekanan kerana Malaysia khususnya telah membuat pelaburan yang sangat kritikal dalam pendidikan tinggi dan PI dalam menzahirkan masyarakat yang memiliki akal budi luhur, berfikiran terbuka, berpandangan jauh, dan mempunyai daya *employability* (pasaran kerja yang tinggi) (Norhasni Zainal Abidin, 2014). Selain itu, penghayatan dan pengamalan konsep Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) perlu diberi penekanan agar dapat melahirkan insan yang seimbang dari segala aspek kehidupan dan berkeupayaan mensejahterakan diri, keluarga, masyarakat serta umat seluruhnya (Saharia Hj. Ismail, 2015). Keseimbangan personaliti diri dan pencapaian akademik perlu diberi perhatian kerana merupakan teras kepada PI (Nooraini Othman, 2018).

Tambahan pula dalam PI, kepentingan nilai-nilai Islam tidak dapat dinafikan kesannya yang positif kepada setiap insan (Norullisza Khosim, Azrin Ibrahim & Mohd Shukri Hanapi, 2020). Selain memperkasa PI menerusi sistem pendidikan, penerapan nilai-nilai Islam perlu turut sama diberi perhatian. Sebagai contoh, pembangunan nilai qurani menerusi nilai diri dan kerja dalam melahirkan insan cemerlang perlu ditekankan kerana mampu meningkatkan prestasi dan potensi diri, malah insan itu sendiri seharusnya dilengkapi dengan nilai-nilai yang murni dan bersikap optimistik kerana matlamat pembangunan bukanlah untuk tujuan pembangunan material semata, sebaliknya adalah cara dan alat untuk mencapai kualiti hidup yang lebih baik dan untuk peningkatan tamadun manusia (Rashidi Abbas & Zilai Saari, 2016; dan Haryati Shafii et al. (2009). Selain itu, nilai akhlak terutamanya akhlak kepada Allah SWT merupakan perkara penting yang dikenali sebagai nadi penggerak kepada pembangunan peradaban insan (Kamarul Jasmi et al., 2004). Antara nilai akhlak yang penting bagi seorang individu menurut al-Ghazali ialah keikhlasan (*al-ikhlas*), benar (*al-sidq*), amanah (*al-amanat*), tanggungjawab (*al-mas'uliyat*), dan kesempurnaan (*al-kamal*) (Mohd Hasrul Shuhari & Mohd Fauzi Hamat, 2015).

Selain bidang kajian yang dinyatakan sebelum ini, PI menurut karya dan pemikiran ulama terdahulu turut dilakukan oleh para pengkaji terdahulu. Kajian Zainudin Hashim (2018) misalnya, mengkaji pemikiran Hassan al-Banna berdasarkan kitab *Majmu'at al-Rasa'il* dengan memfokus perbincangan kepada unsur dan aspek PI, manakala kajian Muhamad Alihanafiah Norasid (2016) menganalisis pemikiran Sa'id Hawwa menurut kitab tafsirnya *al-Asas fi al-Tafsir* dalam melahirkan insan rabbani. Kemudian, kajian Mohd Shafiee Hamzah (2012) pula dilihat memperkenalkan konsep PI yang diasaskan oleh Sayyid Qutb. Selain daripada pemikiran Hassan al-Banna, Sa'id Hawwa, dan Sayyid Qutb, pemikiran al-Mawardiyy, Syeikh 'Abd al-Samad al-Falimbaniy, dan al-Nawawiy juga turut dikaji bagi memperkenalkan konsep PI yang digariskan oleh ulama-ulama tersebut. Siti Sarah Haji Ahmad (2012) turut membedah pemikiran al-Mawardiyy berkaitan PI dengan memperkenalkan beberapa akhlak yang perlu ditanam dalam diri setiap insan untuk menjadi insan yang cemerlang. Shohana Hussin (2010) pula mengetengahkan enam konsep PI yang diperkenalkan oleh Syeikh 'Abd al-Samad al-Falimbaniy meliputi pembangunan ilmu, pembangunan akidah, pembangunan ibadah, pembangunan anggota tujuh, pembangunan rohani dan akhlak, serta pembangunan adab sosial. Seterusnya, penekanan kepada aspek kerohanian dengan tumpuan kepada dua perkara iaitu metodologi yang betul dan isi kandungan yang lengkap dan sempurna dalam PI yang berjaya menurut al-Nawawiy dihuraikan dalam kajian Kamarul Azmi Jasmi (2002).

Berdasarkan perbincangan sebelum ini, dapat dilihat dengan jelas terdapat kepelbagaian bentuk penulisan berkaitan PIBI telah dilakukan. Konsep-konsep PI yang dirumus oleh para ulama terdahulu diketengahkan dalam membantu membentuk jati diri insan yang cemerlang. Konsep PI yang dirumus oleh para ulama dan dirungkai oleh para pengkaji terdahulu merupakan PIBI kerana konsepnya berpandukan kepada ajaran al-Qur'an dan al-Sunnah, merangkumi aspek rohani dan jasmani, akal serta emosi, malah merangkumi skala kehidupan di dunia dan akhirat. Beberapa kajian turut menekankan kepentingan PI kepada setiap lapisan masyarakat yang dapat diperkasakan melalui sistem pendidikan, proses PdP, selain penerapan nilai Islam yang perlu dimulai dari awal peringkat umur setiap insan bagi membentuk insan cemerlang duniawi dan ukhrawi.

## **ANALISIS DAN PERBINCANGAN**

Secara umumnya, perbincangan ini berkisarkan tasawur PIBI yang merangkumi perbincangan tentang empat perkara utama iaitu; sumber utama PIBI, aspek PIBI, proses dan pemerkasaan PIBI, serta tujuh prinsip utama PIBI.

### **Tasawur Pembangunan Insan Berteraskan Islam**

Apabila disebut istilah PBI secara umumnya, dan PIBI secara khususnya, ia merupakan satu sudut pandang yang bertentangan dengan PL. Menurut Muhammad Syukri Salleh (2003), bukanlah suatu pembangunan itu berteraskan Islam sekiranya masih meneladani kaedah PL atau konvensional. Muhammad

Syukri Salleh (2003) turut menekankan bahawa PBI adalah satu proses pembangunan yang berasaskan keesaan Allah SWT, matlamatnya ialah keredhaan Allah SWT, dan kerangkanya merangkumi waktu kehidupan di alam roh, dunia dan akhirat.

Hakikatnya, PIBI boleh dilakukan menerusi pelbagai bentuk antaranya ialah dengan kefahaman konsep PIBI, proses pendidikan dan PdP, serta penerapan nilai-nilai Islam. Pengabaian PI akan memberi kesan negatif bukan sahaja kepada individu, malah kepada masyarakat, negara dan ketamadunan insan keseluruhannya. Hal ini kerana, PI merupakan teras pembangunan masyarakat dan negara, dan teras utama PI adalah pembangunan kerohanian kerana kemajuan kerohanian merupakan tujuan sebenar manusia dicipta oleh Allah SWT sebagaimana firman-Nya yang bermaksud:

*“Dan tidaklah dijadikan jin dan manusia itu melainkan untuk beribadah kepadaKu” (Al-Dhariyat, 51:56 )*

Walaupun begitu, dalam mengejar kemajuan pembangunan dalam aspek pelbagai, Islam tidak meminggirkan dunia kerana dunia merupakan tempat dan isi kandungannya merupakan alat kepada PI. Hakikatnya, PIBI adalah pembangunan yang menghayati *maqasid al-syari'at* khususnya lima tujuan utama iaitu untuk memelihara agama, akal, nyawa, keturunan dan harta. PIBI merupakan asas penting yang perlu diterapkan dalam proses perlaksanaannya untuk menjamin kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat kelak sepertimana firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Dan tuntutanlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalannya) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmatNya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan”. [Al-Qasas, 28:77]*

Berdasarkan ayat 77 daripada Surah al-Qasas ini dapat difahami bahawa Allah SWT tidak menghalang manusia daripada memikirkan perihal duniawi kerana di situ terdapat hak-hak yang perlu dilaksanakan. Allah SWT juga memberi peringatan agar mempergunakan setiap apa yang dikurniakan sebagai wasilah untuk meraih keuntungan di akhirat kelak dan janganlah sampai berlaku kerosakan di muka bumi ini disebabkan kegagalan dalam mengurus dan mentadbir (Ibn Kathir, 1998).

Sebarang kemajuan, perubahan dan PBI merujuk kepada pengembalian kepada pensyariatan Islam yang sejati dan dibawakan oleh Rasulullah SAW, yang dituturi oleh para sahabatnya dan para tabi'in dan para pengikut tabi'in r.a dan yang dianut serta diamalkan oleh para mukminin dan muslimin hingga kini

sehingga ke akhir zaman (Al-Attas, 1977). Tiadalah sebarang perubahan dan kemajuan seseorang insan, negara, masyarakat dan tamadun keseluruhannya melainkan dengan usaha yang bersungguh-sungguh dalam perubahan yang ingin dilaksanakan bertepatan dengan janji Allah SWT di dalam Surah al-Ra'd ayat 11:

*“... Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri. Dan apabila Allah menghendaki untuk menimpakan kepada sesuatu kaum bala bencana (disebabkan kesalahan mereka sendiri), maka tiada sesiapaupun yang dapat menolak atau menahan apa yang ditetapkanNya itu, dan tidak ada sesiapaupun yang dapat menolong dan melindungi mereka selain daripadaNya”.* [Al-Ra'd, 13:11]

## **I. Sumber Utama PIBI**

PI yang ingin diusahakan dan dilaksanakan perlu berlandaskan kepada al-Quran dan al-Sunnah kerana Islam mempunyai kekuatan yang tersendiri dalam setiap perkara yang disyariatkan. Justeru, sumber utama yang perlu dijadikan asas rujukan dalam PIBI itu sendiri ialah al-Qur'an dan al-Sunnah. Al-Qur'an dan al-Sunnah merupakan sumber utama dalam perundangan Islam yang perlu dijadikan pedoman dalam setiap perjalanan kehidupan seorang insan. Bagi seorang Muslim khususnya, pegangan kepada kedua-dua sumber utama ini perlu diberi keutamaan dalam melaksanakan PIBI, kerana Rasulullah SAW pernah bersabda dalam hadithnya:

*“Telah aku tinggalkan buat kalian dua perkara yang kalian tidak akan sesat selama-lamanya selagi mana kalian berpegang pada keduanya iaitu; kitab Allah dan sunnah nabi-Nya”* (Takhrij Misykat al-Masabih. Isnaduh Hasan. No. Hadith: 184)

## **II. Aspek PIBI**

Aspek-aspek PI yang perlu diberi perhatian sepanjang proses tersebut merangkumi lima perkara iaitu; (i) rohani, (ii) intelektual, (iii) emosi, (iv) jasmani, dan (v) sosial. Setiap aspek ini perlu digandingkan bersama tanpa mengetepikan aspek tertentu agar tidak berlaku sebarang kepincangan dalam setiap peringkat perlaksanaan. Namun, keutamaan kepada pembangunan rohani perlu dilakukan (Mustapha Kamal Ahmad Kassim, Zahiah Haris & Abdullah Yusof, 2010). Hal ini kerana, menurut Kamarul Azmi Jasmi (2016) dalam menjelaskan takrifan al-Attas tentang PI, kemajuan insan tanpa pembangunan rohani tidak dianggap sebenar-benar PI menurut sudut pandang Islam kerana dirujuk sebagai pembangunan yang bertujuan memenuhi keperluan kehaiwanan. Oleh sebab itu, PI hanya berlaku apabila setiap pembangunan yang dilakukan mestilah membangunkan rohani, iaitu dengan pengembalian kepada ajaran Islam yang sebenar (Kamarul Azmi Jasmi, 2016).



### **III. Proses dan Pemerksaan PIBI**

Hakikatnya, sesuatu proses pembangunan yang ingin dilaksanakan perlu bermula seawal kehidupan insan dan bersifat berterusan agar tidak berlaku kepincangan dalam suatu tahap atau peringkat yang dilalui. Pemerksaan PI ini boleh dilakukan menerusi pelbagai medium berdasarkan kepada perbincangan dalam kajian lepas iaitu antaranya melalui pendidikan, PdP, dan penerapan nilai-nilai-nilai Islam (Asmawati Suhid, 2007; Mustapha Kamal Ahmad Kassin et al, 2010; Ermizam Edni et al, 2010; Mohd Faez Ilias & Kamarul Azmi Jasmi, 2011; Siti Fatimah Ahmad & Maimun Aqsha Lubis, 2015; dan Mazlini Adnan et al (2016). Pendidikan yang diterapkan dalam proses PI tersebut perlu berteraskan kepada pendidikan Islam.

### **IV. Berpandukan Tujuh Prinsip Utama**

Tujuh prinsip asas pembinaan PBI seperti yang digariskan oleh Muhammad Syukri Salleh (2003) menjadi panduan utama dalam pelaksanaan PIBI itu sendiri. Tujuh prinsip utama yang digariskan ialah; i) meletakkan tasawur Islam sebagai acuan pembangunan, ii) insan sebagai pelaku pembangunan, iii) alam roh, alam dunia dan alam akhirat sebagai skala waktu pembangunan, iv) ilmu fardhu 'ain sebagai kerangka pembangunan, v) ibadah sebagai perkaedahan pembangunan, vi) sumber alam sebagai peralatan pembangunan, dan yang terakhir, vii) *mardhatillah* sebagai matlamat pembangunan (Muhammad Syukri Salleh, 2003).

Berdasarkan prinsip yang disebutkan, jelas bahawa model PIBI memiliki peranan yang besar dalam membantu membangun insan yang cemerlang berbanding mengguna pakai model PL. Perkara ini disebabkan, model PL dilihat tidak bersesuaian untuk dilaksanakan dalam masyarakat Islam kerana proses pembangunannya sering sahaja dianalisis secara mendatar iaitu hanya perhubungan antara insan sesama insan, serta antara insan dengan alam semesta (Muhammad Syukri Salleh, 2003). Berlainan dengan PIBI yang turut sama mengambil kira perhubungan dengan Allah SWT.

Justeru, PIBI perlu difahami bagi membantu proses PI dilaksanakan menurut garis panduan yang ditentukan syariat seterusnya melahirkan insan yang bukan sahaja cemerlang di dunia, bahkan di akhirat kelak. Hakikatnya, kehidupan insan bukan terhenti di alam duniawi semata, malah berterusan sehingga ke alam ukhrawi. Tanpa kefahaman kepada PIBI yang betul, dikhuatiri matlamat yang ingin dicapai di akhir pelaksanaan tidak akan berjaya. Bahkan, akan mendorong kepada pembangunan yang tidak mencapai garis panduan yang telah ditetapkan syariat.

Sebenarnya, hubungan antara orang Islam dengan setiap perkara terkait dengan Islam perlu menekankan tiga asas utama iaitu; Allah SWT adalah Pencipta, insan adalah makhluk dan sumber alam juga adalah makhluk. Berlainan dengan model PL, acuan model ini tidak mempercayai Allah SWT, dan menganggap insan hanya sebagai makhluk ekonomi yang tertumpu kepada lingkungan hubungan antara sesama insan, dan insan dengan alam sahaja

(Muhammad Syukri Salleh, 2003). Oleh itu, berdasarkan perbincangan yang dilakukan sebelum ini, tasawur PIBI ini dapat dijelaskan dengan ringkas sepertimana Rajah 1 yang berikut:



**Rajah 1:** Tasawur Pembangunan Insan Berteraskan Islam (PIBI)

## RUMUSAN

Kesimpulannya, tasawur PIBI merupakan suatu panduan dan pegangan hidup bagi setiap insan khususnya Muslim kerana merupakan satu sudut pandang yang berlandaskan kepada al-Qur'an dan al-Sunnah. Setiap pensyariatan yang termaktub dalam al-Qur'an dan al-Sunnah merupakan asas penting dalam memastikan kesejahteraan sesebuah masyarakat dan ketamadunan insan. Pegangan kepada dua sumber utama ini perlu diperteguh dalam mendepani kehidupan lebih lagi dalam era globalisasi yang penuh dengan cabaran dan rintangan. Aspek-aspek pembangunan insan keseluruhannya perlu diperteguh dan diberi perhatian agar tidak mengetepikan aspek sedia ada yang akan mencacatkan proses pembangunan bersepadu. Selain itu, proses ini menuntut usaha seawal waktu kehidupan seorang insan dengan pemeraksanaan daripada medium pelbagai. Akhir sekali, prinsip-prinsip yang menjadi landasan turut sama perlu dititikberatkan dalam perlaksanaan agar tidak tergelincir daripada landasan kebenaran dan mencapai matlamat akhir yang diidamkan.

## RUJUKAN

Al-Quran Al-Karim.

Ab Aziz Yusof & Mutiara Dwi Sari. (2017). Pembangunan Modal Insan Daripada Perspektif Islam: Impak Kepada Pengurus. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJ – SSH)*.

- Asmawati Suhid. (2007). Pengajaran Adab Dan Akhlak Islam Dalam Membangunkan Modal Insan. *Jurnal Pengajian Umum*. Vol 8.
- Baharom Mohamad & Mohamad Johdi Salleh. (2009). Pembangunan Modal Insan Sebagai Satu Pelaburan Penting Dalam Konteks Pembinaan Negara. *Prosiding "Seminar Pembangunan Modal Insan 2009"*.
- Ermizam Edni et al. (2010). Pembangunan Modal Insan Melalui Pengajaran Dan Pembelajaran. *Seminar Penyelidikan dan Inovasi*.
- Haryati Shafii et al. (2009). Pembangunan Modal Insan Ke Arah Meningkatkan Kualiti Hidup Masyarakat. *International Conference On Human Capital Development*.
- Ihaamie Abdul Ghani Azmi. (2009). Human Capital Development And Organizational Performance: A Focus On Islamic Perspective. *Jurnal Syariah*. Vol. 17. No. 2.
- Imaduddin Abu Al-Fida' Ismail bin Kathir. (1998). Tafsir Al-Quran Al-Adzim. Beirut: Dar Al-Arqam bin Abi Al-Arqam.
- Kamarul Azmi Jasmi et al. (2007). Pembangunan Modal Insan Yang Sempurna Menurut Perspektif Al-Imam Al-Nawawi. *Seminar Antarabangsa Peradaban Melayu Ke-3*.
- Kamarul Azmi Jasmi et.al. (2004). Pendidikan Akhlak Kepada Allah SWT Nadi Penggerak Pembangunan Peradaban Insan. <https://www.researchgate.net/publication/277255994>.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2002). Paradigma Al-Imam Al-Nawawi Dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad Al-Solihin. Disertasi Sarjana, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2016). Pembangunan Insan Daripada Perspektif Islam. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (Edisi Pertama ed., pp. 102-107). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia & Persatuan Cendiakiawan Pendidikan Islam Malaysia (AIES).
- Kamarul Azmi Jasmi. (2016). Pembangunan Akhlak. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (Edisi Pertama ed., pp. 99-100). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia & Persatuan Cendiakiawan Pendidikan Islam Malaysia (AIES).
- Kamarul Azmi Jasmi. (2016). Pembangunan Insan daripada Perspektif Islam. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (Edisi Pertama ed., pp. 102-107). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia & Persatuan Cendiakiawan Pendidikan Islam Malaysia (AIES).
- Khadher Ahmad. (2019). Kualiti Individe Dalam Pembangunan Insan Menurut Kerangka 'Ulum al-Hadith: Satu Analisis. *Jurnal Usuluddin*. Vol. 47 (Khas)
- Mazlini Adnan et al. (2016). Memperkasa Pembangunan Modal Insan Malaysia Di Peringkat Kanak-Kanak: Kajian Kebolehlaksanaan dan Kebolehintegrasian Pendidikan STEM Dalam Kurikulum PERMATA Negara. *GEOGRAFIA Online Malaysian Journal Of Society And Space*. Vol. 12. Bil. 1.

- Mohd Faez Ilias & Kamarul Azmi Jasmi. (2011). Peranan Pendidikan Islam Dalam Pembangunan Modal Insan Kelas Pertama. *Persidangan Kebangsaan Sains Sosial*.
- Mohd Fauzi Hamat & Mohd Khairul Naim Che Nordin. (2012). Tinjauan Kepentingan Pembangunan Modal Insan Di Malaysia. [https://umexpert.um.edu.my/file/publication/00002849\\_82304\\_82803.pdf](https://umexpert.um.edu.my/file/publication/00002849_82304_82803.pdf) [Accessed at: 11 September 2019].
- Mohd Roslan Mohd Nor & Zaiton Mustafa. (2018). Pembangunan Individu Menurut Ibnu Sina: Analisis Terhadap Karya-Karya Terpilih. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*. Special Edition.
- Mohd Shafiee Hamzah. (2012). Konsep Perencanaan Modal Insan Menurut Sayyid Qutub: Analisis Terhadap Fi Zilai Al-Quran. Tesis Kedoktoran, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mohd Shukri Hanapi. (2014). Tasawur Ekonomi Islam. Konferensi Internasional Pembangunan Islam I (KIPI-I). Universitas Jember, Indonesia. 16-21 September 2014.
- Mohd Yusof Othman. (2012). Pengajian Melayu: Ke Arah Memperkasakan Modal Insan. *Jurnal Melayu*. Vol. 9.
- Muhamad Alihanafiah Norasid & Mustaffa Abdullah. (2019). Gagasan Pembangunan Modal Insan Rabhani Oleh Said Hawa Dalam Al-Asas Fi Al-Tafsir: Ke Arah Pemeraksanaan Kader Dakwah. *Jurnal Usuluddin*. Vol. 47 (Khas).
- Muhammad Fuad 'Abdul Bâqi. (1994). Mu'jam Al-Mufahras Li Al-Fadz Al-Quran Al-Karim. Beirut: Dar Al-Fikr.
- Muhammad Syukri Salleh. (2003). 7 Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam. Kuala Lumpur: Zebra Editions Sdn. Bhd.
- Mustapha Kamal Ahmad Kassin & et al. (2010). Pembangunan Modal Insan Dan Tamadun Islam Dari Perspektif Pendidikan Guru. *Proceesidings of The 4<sup>th</sup> International Conference on Teacher Education*.
- Noor Shakirah Mat Akhir & Muhammad Azizan Sabjan. (2014). Pembangunan Modal Insan Dari Perspektif Kerohanian Agama: Islam Sebagai Fokus. *Journal of Human Capital Development*.
- Nooraini Othman. (2018). *Keseimbangan Personaliti Dan Akademik Sebagai Teras Pembangunan Modal Insan*. [http://eprints.utm.my/id/eprint/17876/1/Jurnal\\_UiTM](http://eprints.utm.my/id/eprint/17876/1/Jurnal_UiTM) Keseimbangan\_Personaliti\_dan\_Akademik\_sebagai\_Teras\_Pembanguna\_n\_Modal\_Insan. [Accessed at: 11 September 2019].
- Nor Sahida Mohamad & Sanep Ahmad. (2013). Pembangunan Menurut Perspektif Islam: Satu Analisis Awal. *Prosiding PERKEM VIII*, Jilid 1.
- Norhasni Zainal Abidin. (2014). Senario Pembangunan Modal Insan Dalam Pendidikan Tinggi Di Malaysia. *Jurnal Kajian Pendidikan*. Vol. 4. Bil. 1.
- Norullisza Khosim, Azrin Ibrahim & Mohd Shukri Hanapi. (2020). Peranan Nilai-Nilai Islam Dalam Pembangunan Insan Berteraskan Islam. *Journal od Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*. Vol.5. No. 29.

- Rashidi Abbas & Zilai Saari. (2016). Pembangunan Nilai Qurani Dalam Kalangan Mahasiswa Universiti Malaysia Pahang Menerusi Nilai Diri dan Kerja. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*.
- Saharia Ismail. (2015). Pembangunan Insan Dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. *Journal of Human Capital Development*. Vol. 8. No. 2.
- Shohana Hussin. (2010). Pemikiran Pembangunan Modal Insan Dalam Kitab Hidayah Al-Salikin: Kajian Teks dan Kontekstual. *Qq`* Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Siti Fatimah Ahmad & Maimun Aqsha Lubis. (2015). Islam Hadhari Dalam Pendidikan Pembangunan Modal Insan Di Malaysia: Satu Analisa Epistemologi. *Jurnal Hadhari*. Vol. 7. No. 1.
- Siti Sarah Ahmad. (2012). Adab Al-Riyadah Wa Al-Istislah Dalam Pembangunan Modal Insan Menurut Al-Mawardi Dalam Karya Adab Al-Dunya Wa Al-Din. *Disertasi Sarjana*, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Zainudin Hashim. (2018). Pendekatan Pembangunan Insan Menurut Hasan Al-Banna (m. 1949) Menerusi Kitab Majmu'ah Al-Rasa'il. *Tesis Kedoktoran*, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.